



NAMA:

KELAS:

MODUL PINTAS TAHUN 2025

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA GEOGRAFI

Kertas 1

Ogos

1 jam 15 minit

2280/1

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1 *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
- 2 *Jawab semua soalan.*
- 3 *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.*
- 4 *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
- 5 *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

JOIN TELEGRAM
@exercise_students
for more tips spm 2025 !

1 Maklumat berikut berkaitan lapisan bumi.

- Terdapat arus perolakan
- Mengakibatkan gempa bumi

Apakah lapisan bumi tersebut?

- A Kerak bumi
- B Mantel
- C Teras luar
- D Teras dalam

2 Apakah sumbangan letusan gunung berapi terhadap manusia?

- I Pelancongan
 - II Pertanian
 - III Penternakan
 - IV Perikanan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

3 Foto 1 menunjukkan pandangan darat fizikal di Malaysia.



Foto 1


Apakah jenis luluh hawa yang menghasilkan pandangan darat fizikal dalam Foto 1?

- A Luluh hawa kimia
- B Luluh hawa biologi
- C Luluh hawa fizikal
- D Luluh hawa mekanika

4 Batu kapur merupakan bahan mentah untuk menghasilkan

- A kabinet dapur
- B bitumen
- C simen
- D kaca

- 5 Rajah 1 menunjukkan proses pembentukan batuan.



Rajah 1

Apakah batuan Z seperti dalam Rajah 1?

- A Marmar
 - B Kuarzit
 - C Gneis
 - D Syal
- 6 Foto 2 menunjukkan kejadian gerakan jisim di Batang Kali, Selangor.




Foto 2

Apakah faktor fizikal yang mengakibatkan kejadian seperti dalam foto tersebut?

- I Pertanian di cerun
 - II Aktiviti pembinaan
 - III Hujan lebat berterusan
 - IV Struktur tanah longgar
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 7 Bagaimanakah kejadian tanah runtuh di Lebuhraya Pantai Timur dapat dikurangkan?
- I Menyimen kawasan cerun
 - II Memasang perangkap sampah
 - III Memperlebar jalan raya
 - IV Menanam tanaman tutup bumi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

8 Rajah 2 menunjukkan pandangan darat fizikal di Malaysia.



Rajah 2

Kombinasi yang manakah yang benar tentang bentuk muka bumi di tiga peringkat aliran sungai dalam Rajah 2?

	Peringkat 1	Peringkat II	Peringkat III
A	Air terjun	Likuan terpenggal	Lubang periuk
B	Jeram	Likuan sungai	Tasik ladam
C	Tetambak	Lurah bentuk U	Delta
D	Lurah bentuk V	Dataran banjir	Susuh bukit berpanca

9 Foto 3 menunjukkan kawasan pelancongan di pinggir pantai.



Foto 3

Apakah kesan pembinaan kawasan pelancongan tersebut terhadap alam sekitar?

- I Gerakan jisim
 - II Perubahan landskap
 - III Zon penampakan musnah
 - IV Kawasan tadahan air terjejas
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 10 Foto 4 menunjukkan bentuk muka bumi hasil tindakan air sungai.



Foto 4

Apakah bentuk muka bumi yang akan terhasil sekiranya proses hakisan dan pemendapan berlaku secara berterusan terhadap kawasan bertanda **X**?

- A Tasik ladam
 - B Jeram
 - C Tetambak
 - D Delta
- 11 Jadual 1 menunjukkan suhu bulanan di Negara X.

Bulan	J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D
Suhu (°C)	26	27	27	29	29	29	28	28	27	27	25	25

Jadual 1

Berapakah julat suhu tahunan di Negara X?

- A 1 °C
 - B 4 °C
 - C 27 °C
 - D 29 °C
- 12 Mengapakah teknologi penderiaan jauh (remote sensing) digunakan untuk menghadapi bencana taufan?
- A Mengesan dan meramal bencana
 - B Meningkatkan kesedaran alam sekitar
 - C Latihan untuk menyelamatkan diri
 - D Langkah pemulihan selepas bencana

- 13 Foto 5 menunjukkan fenomena cuaca dan iklim di dunia.



Foto 5

Apakah punca terjadinya kejadian dalam Foto 5?


- A Pertanian pindah
 - B Pemanasan global
 - C Perbezaan tekanan udara
 - D Pembangunan tanah pesat
- 14 Pernyataan berikut berkaitan fenomena cuaca dan iklim.

Karbon dioksida bertindak memerangkap haba dan memantulkan semula haba ke permukaan bumi.

Apakah jenis fenomena cuaca dan iklim tersebut?

- A Jerebu
 - B Pulau haba
 - C Hujan asid
 - D Kesan rumah hijau
- 15 Apakah persamaan ciri Hutan Hujan Tropika dan Hutan Konifer?
- A Daun lebar
 - B Akar banir
 - C Malar hijau
 - D Dirian tulen

16 Peta 1 menunjukkan kawasan iklim dunia.



Peta 1: Dunia

Apakah jenis iklim di kawasan berlorek dalam peta?

- A Iklim Khatulistiwa
- B Iklim Monsun Tropika
- C Iklim Sejuk Sederhana Pantai Barat
- D Iklim Mediterranean

17 Foto 6 menunjukkan sejenis fauna.



Foto 6


Apakah peranan fauna tersebut dalam rantaian makanan sebuah ekosistem hutan?

- A Pengeluar
- B Pengguna primer
- C Pengguna tertier
- D Pengurai

18 Apakah kepentingan Hutan Hujan Tropika dari segi ekonomi?

- I Meningkatkan pendapatan negara
 - II Membekalkan kayu kayan
 - III Mengeluarkan oksigen
 - IV Mewujudkan rantaian makanan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 19 Apakah usaha pemeliharaan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar yang dikaitkan dengan Peta 2?



Peta 2: Malaysia

- A Pusat rehabilitasi
 B Pusat konservasi
 C Ladang hutan
 D Taman negara
- 20 Foto 7 menunjukkan keratan akhbar berkaitan hidupan liar di Malaysia.



Foto 7

Apakah kesan terhadap ekosistem sekiranya isu dalam Foto 7 tidak dibendung?


- A Spesies flora pupus
 B Habitat fauna terjejas
 C Kawasan tadahan musnah
 D Rantainya makanan terganggu

21 Maklumat berikut berkaitan dengan taburan penduduk.

- Jumlah penduduk 50 – 200 orang sekilometer persegi
- Kegiatan ekonomi pembalakan hutan pokok tirus

Apakah jenis taburan penduduk tersebut?

- A Penduduk padat
 B Penduduk optimum
 C Penduduk sederhana
 D Penduduk jarang
- 22 Apakah faktor yang mempengaruhi kepadatan penduduk di Lembangan St. Lawrence, Kanada?
 A Saliran yang baik
 B Tanah jenis laterit
 C Iklim panas dan lembap
 D Tanah pamah yang beralun
- 23 Rajah 3 di bawah menunjukkan piramid penduduk di negara M.



Rajah 3

Apakah kesan struktur dan komposisi piramid penduduk tersebut terhadap pembangunan negara M pada masa akan datang?

- A Sumber alam terhad
 B Harga tanah melambung
 C Kes jenayah meningkat
 D Kekurangan tenaga buruh
- 24 Apakah ciri kependudukan di negara kurang penduduk?
 A Kurang peluang pekerjaan
 B Kadar kelahiran tinggi
 C Taraf teknologi rendah
 D Taraf hidup tinggi

25 Peta 3 menunjukkan lokasi bandar di Malaysia.



Peta 3: Semenanjung Malaysia

Mengapakah migrasi dalaman berlaku dengan pesat di kawasan X?

- A Kadar jenayah rendah
 - B Teknologi pertanian tinggi
 - C Banyak institusi pendidikan
 - D Kemudahan infrastruktur lengkap
- 26 Bagaimanakah kesan kebanjiran pekerja asing ke Malaysia dapat diatasi oleh pihak kerajaan?
- A Meningkatkan kemahiran pekerja tempatan
 - B Meningkatkan kemudahan infrastruktur
 - C Meningkatkan cukai keuntungan majikan
 - D Memodenkan sektor pertanian
- 27 Apakah ciri-ciri pola petempatan berkelompok?
- I Rumah dibina secara terancang
 - II Terdapat di kawasan FELDA
 - III Tanah milik persendirian
 - IV Susun atur rumah padat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 28 Maklumat berikut berkaitan fungsi petempatan bandar.

- Untuk mengatasi masalah petempatan
- Menyokong fungsi bandar utama

Apakah jenis bandar tersebut?

- A Bandar diraja
- B Bandar pentadbiran
- C Bandar satelit
- D Bandar pertahanan

29 Jadual 2 menunjukkan keluasan Kuala Lumpur.

Tahun	Keluasan (kilometer persegi)
1885	1.3
2022	244

Jadual 2


Bagaimanakah perubahan keluasan Kuala Lumpur seperti Jadual 1 boleh berlaku?

- I Kemajuan pertanian
 - II Bebas bencana alam
 - III Perlombongan mineral
 - IV Pertambahan penduduk
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

30 Kombinasi manakah yang benar tentang masalah urbanisasi dan langkah mengatasinya?

	Masalah urbanisasi	Langkah mengatasi
A	Kesesakan lalu lintas	Memperbanyak lampu isyarat
B	Banjir kilat	Membina terowong SMART
C	Masalah setinggan	Membina bandar baharu
D	Hujan asid	Mewujudkan badan air

31 Peta 4 menunjukkan lokasi sumber tenaga di dunia.




Peta 4 : Dunia

Apakah sumber tenaga boleh baharu yang terdapat di lokasi yang bertanda X dalam peta?

- A Solar
- B Biojisim
- C Ombak
- D Geoterma

32. Mengapakah Perancis berpotensi untuk menjana tenaga ombak?
 A Banyak sisa pertanian
 B Negara menghadap laut
 C Tiupan angin yang kuat
 D Jumlah hujan tahunan tinggi
33. Bagaimanakah pembinaan empangan hidroelektrik memberi impak terhadap alam sekitar?
 I Pencemaran air berlaku
 II Suhu persekitaran meningkat
 III Kemusnahan habitat hidupan liar
 IV Kejadian tanah runtuh
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
34. Bagaimanakah langkah untuk mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil?
 A Membuat kempen kesedaran alam sekitar
 B Menggunakan kenderaan elektrik (EV)
 C Meningkatkan pengeluaran petroleum
 D Mengurangkan penggunaan biodiesel
35. Apakah langkah penjimatan sumber tenaga yang boleh dilakukan oleh penduduk di kediaman masing-masing?
 A Menggunakan peti sejuk berteknologi inverter
 B Menggunakan pengangkutan awam
 C Menggunakan mesin pengering pakaian
 D Menggunakan kenderaan hibrid
36. Rajah 4 berkaitan jenis kegiatan ekonomi utama.




Rajah 4

Apakah jenis pekerjaan bagi sektor bertanda **Q** dalam Rajah 4?

- A Pensyarah
 B Penoreh getah
 C Penyelia kilang
 D Penghantar barang

37. Mengapakah kegiatan agropelancongan dapat dimajukan di Cameron Highlands, Pahang?
- Tanah pamah yang luas
 - Bekalan buruh ramai
 - Hujan tahunan tinggi
 - Suhu yang sederhana
38. Peta 5 menunjukkan lokasi aktiviti perlombongan di Malaysia.



Peta 5 : Malaysia

Apakah kepentingan perlombongan sumber di kawasan berlorek dalam Peta 5?

- Pembukaan bandar baharu
 - Perkembangan sektor pelancongan
 - Pembinaan pelabuhan kontena
 - Perkembangan industri petrokimia
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
39. Mengapakah Malaysia perlu menyertai kerjasama ekonomi antarabangsa?
- Mengecilkan saiz pasaran domestik
 - Mengurangkan kemasukan pelabur asing
 - Meningkatkan pemindahan teknologi
 - Mengehadkan kemasukan buruh asing
40. Apakah kepentingan aktiviti penghutan semula?
- Menjamin bekalan oksigen
 - Mengurangkan gerakan jisim
 - Mengekalkan bekalan kayu balak
 - Menjimatkan penggunaan sumber hutan

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT